

## 20,765 CALON DUDUKI SPM DI PAHANG

**KUANTAN, 22 FEBRUARI 2021:** Seramai 20,765 calon menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di negeri ini dalam suasana norma baharu susulan wabak COVID-19, bermula hari ini.

Kesemua pelajar berkenaan termasuk 675 calon persendirian menduduki peperiksaan di 226 buah pusat peperiksaan dan 25 buah pusat peperiksaan persendirian dibuka di seluruh negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri, YB. Dato' Sri Syed Ibrahim Syed Ahmad berkata, setakat ini perjalanan peperiksaan SPM berjalan dengan baik dan lancar.

"Tiada masalah di mana semua bilik peperiksaan dibuka termasuklah tempat peperiksaan khas (bagi pelajar yang dikuarantin) di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)," katanya.

Beliau berkata, walaupun suasana berbeza, semua mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan seperti masuk dan keluar dari dewan peperiksaan mengikut ketetapan.

Tinjauan di beberapa buah sekolah di daerah ini mendapati pelajar yang hadir mematuhi SOP ditetapkan seperti pemakaian pelitup muka.

Selain itu, pelajar dilihat turut mengisi borang deklarasikan kesihatan dan membuat saringan suhu seawal pukul 7.30 pagi sebelum dibenarkan memasuki dewan peperiksaan. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang  
#Pahang1st  
#KerajaanNegeriPahang  
#UKOMP

Oleh: Fairus Mohd

(LIPUTAN BERGAMBAR)



